

**G**ejala vandalisme bukan sahaja menyulitkan orang ramai tetapi membawa kemudaratan terhadap sesebuah organisasi.

Jika dilihat, bukan mudah untuk menyediakan kemudahan buat orang ramai. Namun disebabkan tindakan berniat jahat, kemusnahan berlaku sekelip mata.

Bukan sahaja kemudahan itu tidak dapat dimanfaatkan, bahkan sesebuah organisasi seperti pihak berkuasa tempatan berdepan kerugian berlipat kali ganda untuk membaiki pulih kemudahan tersebut.

Apabila sudah dibaik pulih, kemudahan itu sekali lagi menjadi mangsa vandalisme dan ianya tidak pernah berakhir.

Bagi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Yasid Bidin, vandalisme merupakan cabaran yang besar buat MPK.

Katanya, mengambil contoh vandalisme terhadap lampu jalan, sebanyak RM1.7 juta diperuntukkan untuk proses baik pulih kerosakan.

"Lampu-lampu itu jika tidak dirosakkan, ia

boleh bertahan lama. Ia sukar mengalami kerosakan tetapi disebabkan vandalisme, lampu tersebut tidak menyala. Penutup pada tiang lampu dicuri. Wayar diputuskan.

"Kos sebatang lampu pula bukan murah. Tiada kurang RM250 untuk menyyalakan sebatang lampu," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan laporan, lapan kawasan iaitu Pelabuhan Klang, Pulau Indah, Pandamaran, Bandar Bukit Tinggi, Bandar Botanic, Jalan Istana dan sekitar kawasan pusat bandar dikenapasti sebagai lokasi yang sering menjadi mangsa vandalisme.

Menurutnya, bagi memastikan kerosakan tidak berulang, MPK telah mengubahsuaikan dengan memasang penutup lampu pada ketinggian dua meter.

Beliau berkata, selain lampu, MPK turut

berdepan dengan pelbagai kesan vandalisme antaranya penutup longkang besi, pagar, tampalan iklan haram dan kerosakan jalan.

"Sama juga seperti taman-taman permainan. Kita adakan kemudahan seperti taman cergas yang terdiri daripada banyak peralatan yang mahal. Itu juga dirosakkan. Kerusi-kerusi, permainan dipatahkan, buaian dipotong," katanya.

Yasid berkata, tidak seharusnya kemudahan itu dirosakkan kerana wang membaik pulih itu boleh digunakan untuk menyediakan kemudahan lain yang lebih berfaedah buat orang awam di kawasan ini.

"Bagaimanapun wang itu terpaksa dibelanjakan untuk membaiki kerosakan yang

dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Dalam pada itu menurut Yasid, bagi membendung gejala vandalisme daripada terus berlaku, semua pihak perlu memainkan peranan.

"Bagi membendung masalah vandalisme ini, saya memohon kerjasama daripada warga Klang bersama-sama menjadi mata dan telinga dengan melaporkan setiap aktiviti tidak sihat ini di kawasan masing-masing

"Selain itu, tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang membeli hasil daripada aktiviti vandalisme ini," katanya.

# CABARAN PALING BERAT PBT!



YASID

## Tandas awam, peralatan permainan, tanda arah jalan selalu dirosakkan - MBSA



SHAHRIN

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA) menyenaraikan tiga kategori utama vandalisme yang kritikal di daerah itu iaitu tandas awam, peralatan permainan dan tanda arah jalan.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pihak majlis memandang serius aktiviti vandalisme yang dilakukan masyarakat setempat.

"Pemantauan MBSA mendapati, aktiviti vandalisme atau merosakkan kemudahan awam ini berlaku di tandas-tandas awam serta peralatan permainan yang disediakan oleh pihak MBSA. Antaranya paip air, pintu tandas, dinding diconteng dan sebagainya.

"Selain itu, ada juga kemudahan peralatan senaman atau *outdoor gym* dirosakkan atau digunakan secara tidak bermah. Katanya kepada wartawan, Shahrin menegaskan, sekiranya

aktiviti vandalisme kurang dilakukan, pihak majlis dapat menjimatkan kos baik pulih. Malah MBSA dapat memanfaatkan kos tersebut untuk membina lebih banyak kemudahan awam lain seperti peralatan permainan, *outdoor gym* dan pelbagai peralatan lain.

Sehubungan itu, MBSA memohon kepada orang ramai supaya menggunakan kemudahan ini dengan baik serta secara berhemah dan menganggap kemudahan awam yang disediakan ini sebagai harta sendiri.

"Kalau kita anggap kemudahan awam ini sebagai harta kita sendiri, kita akan menggunakan sebaik mungkin dan tiada kecenderungan untuk merosakkan kemudahan tersebut.

"Kesalahan merosakkan harta benda awam ini akan membuatkan pelaku dikenakan Undang-Undang Kecil Vandalisme (2005), boleh dikompauan RM1,000 sekiranya didapati bersalah," katanya.

### Undang-Undang Kecil Vandalisme MPK 2005

INFO

- Sesiapa yang merosakkan harta benda awam boleh didenda RM2,000 atau penjara tidak lebih setahun jika disabitkan kesalahan.

### Kerosakan yang sering dihadapi MPK akibat daripada gejala vandalisme

- Lampu jalan**
  - Kabel sambungan dicuri
  - Wayar diputuskan
  - Peralatan lampu, kabel dibuka dan dicuri
  - Lampu hiasan dicuri
- Penutup longkang**
  - Penutup longkang jenis besi/geriji/plate dibuka dan dicuri
- Pagar**
  - Pagar keselamatan dicuri
- Tampalan iklan**
  - Iklan ditampal pada tiang lampu, jambatan, jejantas, jambatan, dinding dan tembok, papan tanda lalu lintas dan petunjuk arah serta tempat. Ia menjejaskan pemandangan dan menggagalkan fungsinya.
- Kenderaan berat merosakkan infrastruktur**
  - Bahu jalan, laluan pejalan kaki dan penutup longkang.